

10/01/1999

Portfolio Zaharah berkaitan wanita

Noorwati Salleh

KUANTAN: Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang dinaikkan pangkat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) membayangkan kemungkinan memegang portfolio berkaitan hal ehwal wanita, dalam usaha membantu negara menjana ekonomi ke tahap yang boleh membawa banyak pembangunan dan kemajuan.

"Saya belum mengetahui portfolio yang akan dipegang tetapi semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyebut sedikit mengenai hal ehwal wanita.

"Lagi pun saya yakin Perdana Menteri bukan saja prihatin tetapi mempunyai perspektif dalam melihat wanita mampu menghasilkan sesuatu yang dilakukan," katanya di Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah di sini, semalam.

Beliau turut menjangka terbabit dalam agenda ekonomi negara yang sekarang dalam proses pemulihan.

"Saya yakin sumber wanita berpotensi untuk digunakan secara maksimum dalam menggerak dan menjana kembali ekonomi negara ke tahap yang boleh membawa kemajuan," katanya.

Beliau yang pernah memegang jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selama satu penggal mulai 1986 menyifatkan pelantikannya sebagai menteri penuh adalah satu pengiktirafan kepada wanita secara umum, khususnya Pergerakan Wanita Umno.

"Bagaimanapun, ia terpulang kepada Perdana Menteri dan saya rasa Dr Mahathir tahu keupayaan saya.

"Apa yang saya inginkan ialah menyatu, memberi galakan dan keyakinan selain menggerakkan usaha yang boleh tumbuh dan berjaya," katanya.

Beliau yang kelihatan gembira mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menyandang jawatan itu.

(END)